



**TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM *VIRTUAL AGROTECHNOLOGY EXTENSION* 2021**

oleh

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)
10.30 PAGI
BILIK TANJUNG, ARAS 16, JABATAN PERTANIAN**

SALUTATION

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

The Honorable Dato' Haslina binti Abdul Hamid,
Secretary-General
Ministry of Agriculture and Food Industries

YANG BERBAHAGIA DATO' ELIYAS BIN SAAD

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian
(Pembangunan Industri dan Pengembangan)

The Honorable Dato' Eliyas bin Saad
Deputy Director General
(Industry Development and Extension)

YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian
(Pengurusan dan Regulatori),

The Honorable Dato' Zahimi bin Hassan
Deputy Director General
(Management and Regulatory)

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan/Agensi dan Negeri,
Heads of State and Government,

Rakan-Rakan Media,
Members of the Media,

Para pembentang kertas kerja dan seterusnya semua peserta **Program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021)** yang dihormati sekalian.

Honourable presenters and participants of the **Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021)**

Selamat Pagi Dan Salam Sejahtera.
A very good morning and greetings to everyone,

1. Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa syukur kerana dapat bersama-sama dengan anda semua walaupun secara dalam talian sempena **Majlis Perasmian Program *Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021)***.

First and foremost, it is an honour and a pleasure for me to welcome all of you to the opening ceremony of the Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021).

2. Terima kasih kepada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan Majlis ini. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada DOA kerana komited menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan program pengembangan teknologi pertanian yang terkini kepada golongan sasaran dan menemusu para pemain industri dengan pengeluar hasil pertanian secara norma baharu bagi merancakkan lagi industri agromakanan negara.

I would like to express my sincere appreciation and gratitude to the Department of Agriculture Malaysia (DOA) for inviting me to the official launch of this event. I would like to take this opportunity to congratulate DOA on their commitment and collaborative efforts in making this Virtual Agrotechnology Extension event, that is aimed towards our target group, possible while connecting the industry players with agriculture producers to boost the country's agrofood industry under this new norm.

Hadirin sekalian,

Ladies and Gentlemen,

3. Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8% kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011. Sub-sektor tanaman masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan sub-sektor yang lain di bawah sektor agromakanan.

The contribution of the agrofood sector to the Gross Domestic Product (GDP) increased with a growth rate of 6.8% from RM28.3 billion in 2011 to RM51.3 billion in 2020. The crop sub-sector remains the main contributor at RM24.1 billion compared to other sub-sectors under the agro-food sector.

4. Seperti yang anda sedia maklum, Kementerian akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dalam masa terdekat yang akan memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar kerana ianya merupakan aspirasi utama yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang iaitu dari tahun 2021 hingga 2030.

As you may know, the Ministry will soon launch the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0), emphasizing on modernization strategies and smart agriculture into the agrofood sector. It is a pivotal aspiration to be achieved over the next ten years, from 2021 to 2030.

5. Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

The use of technology could further increase yields and quality of crops, which can improve overall productivity.

6. Hasil pertanian juga dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti *precision farming*, internet kebendaan (*internet of things*, IOT), data raya (*big data*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI), blok rantai (*blockchain*) serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja. Seterusnya, penggunaan teknologi juga dapat mengurangkan guna tenaga terutamanya pekerja asing.

Modern technologies such as precision farming, Internet of Things (IOT), Big Data, Artificial Intelligence (AI), blockchain, and drones for mapping activities, seed dispersal, pesticides and fertilizers spraying can push the agrofood sector to a more effective and competitive dimension. Besides, the use of these technologies can help reduce dependence on foreign workers.

7. Bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi, Kementerian akan terus melipatgandakan usaha untuk menarik penyertaan lebih ramai belia sebagai pengeluar makanan dan penyedia perkhidmatan teknologi.

To increase the use of technology, the Ministry will continue to place greater emphasis on the use of mechanised and automation technologies to attract more youths as food producers as well as technology service providers.

8. Selain itu, penumpuan juga akan diberi kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pengembangan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimgunaan teknologi oleh golongan sasaran melalui kemudahan kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

Moving forward, emphasize will also be given to enhance the technical competence of extension officers in disseminating knowledge and training of the agrofood producers to ensure effective transfer of technology as well as a providing a conducive environment for technological adoption among the target group via financial facilities, product digitization, and e-commerce platform.

9. Selain itu, usaha memacu modenisasi dalam agromakanan adalah selari dengan aspirasi nasional ke arah merevolusikan Industri 4.0 di dalam sektor ekonomi negara.

Moreover, efforts to enhance modern technologies' application into the agrofood sector are aligned with the national aspiration towards revolutionizing Industry 4.0 in the national economic sector.

10. Dalam hal ini, DAN 2.0 turut menyokong semua usaha di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dalam memodenkan sektor agromakanan iaitu mempercepatkan penggunaan teknologi moden, meningkatkan produktiviti ladang, mewujudkan sistem rantai nilai yang cekap, memperkukuhkan keluaran pertanian bersasar dan meningkatkan nilai tambah industri makanan dan asas tani.

In this regard, DAN 2.0 also supports all the key focus areas under the 12th Malaysia Plan to modernize the agrofood sector, such as accelerating modern technology adoption, increasing farm productivity, creating an efficient value chain system, and strengthening targeted agricultural output and increasing value-added of agriculture produce.

Hadirin sekalian,

Ladies and Gentlemen,

11. Selaras dengan dasar-dasar dan usaha-usaha Kementerian, Program *Virtual Agrotechnology Extension 2021* (VAE 2021) pada hari ini adalah bertepatan diadakan antara lainnya bertujuan untuk:

The Virtual Agrotechnology Extension Program 2021 (VAE 2021) is in line with the Ministry's policies and initiatives, as the objectives are:

- a. memberi peluang kepada semua peserta untuk berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia kepada pemain industri pertanian di Malaysia; dan

As a platform for all speakers to share their expertise and best practices in modern technology by the world's top agricultural companies with the Malaysian agriculture industry players.

- b. menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah sub-sektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pepadanan perniagaan (*business matching*) untuk pasaran domestik dan eksport.

To encourage the crop sub-sector industry players to participate in business opportunities via contract farming through business matching activities for the domestic and export markets.

12. Saya melihat program ini melibatkan kerjasama strategik dengan pihak industri daripada luar negara bagi perkongsian kepakaran teknologi pertanian yang terkini. Langkah ini adalah seiring dengan matlamat utama Kementerian dan DOA untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

I see that this program will involve strategic collaboration with the international industry players in sharing the latest agricultural technology expertise. This initiative is in line with the Ministry and DOA's primary goal of transforming the agrofood sector into a sustainable, resilient, and high-tech industry capable of driving economic growth, improving the public's well-being and prioritizing food security and nutrition.

13. Pembentangan oleh kumpulan pakar yang dijemput khas dalam program ini yang berkaitan dengan *Climate Control Farming Technology, Integrated Pest Management in Biological Control, Incubator Technology and Water Treatment Technology* merupakan elemen yang penting dalam pembangunan sektor agromakanan negara. Justeru itu, saya berharap agar semua peserta dapat mengambil peluang untuk menambah ilmu dan mendapatkan maklumat yang bermanfaat daripada penganjuran program ini.

The expert group's presentation on 'Climate Control Farming Technology, Integrated Pest Management in Biological Control, Incubator Technology, and Water Treatment Technology' is an essential element in the development of our agrofood industry. I hope that all participants will take this opportunity to gain knowledge and valuable information from this programme.

Distinguished Guests, Ladies and Gentlemen,

14. *I would like to express my gratitude and appreciation to the 7 speakers from Netherland, Australia, Korea and South Africa for being our distinctive speakers in today's **INTERNATIONAL AGROTECHNOLOGY 4.0 WEBINAR**. Special thanks to our moderator for this event, Mr. RM Ravichandar, CEO of ABS Greentech Sdn. Bhd. Thank you very much for your commitment and support.*

Sidang hadirin sekalian,

15. Kementerian telah memperluaskan dan memperkasakan pemasaran hasil pertanian melalui platform e-dagang untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik dan antarabangsa. Justeru, penganjuran VAE 2021 yang turut dimeriahkan dengan pameran dan jualan produk-produk IAT serta hasil segar dilihat mampu

membantu lebih ramai pengusaha menggunakan kaedah pemasaran secara dalam talian.

The Ministry has expanded and strengthened the marketing of agricultural products through e-commerce platforms to enhance the marketability and availability of agricultural products for the domestic and international markets. Thus, the VAE 2021 also includes exhibitions and sales of fresh and agrofood products, potentially assisting more entrepreneurs in using online marketing platforms.

16. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada FAMA, Syarikat Ourfarm Asia Sdn Bhd (Air Asia) dan Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia yang sudi berkongsi idea dan pandangan bagi membuka ruang kerjasama perniagaan melalui *business matching* secara dalam talian kepada semua peserta yang hadir pada hari ini.

The Ministry would like to express its appreciation to FAMA, Ourfarm Asia Sdn Bhd (Air Asia), and the Malaysian Fruit Growers Association, who have been willing to share their perspectives and ideas on expanding business collaboration opportunities through online business matching with all participants present today.

17. Saya dimaklumkan sejak tahun 2018 penganjuran program penemusuaan oleh DOA, nilai kontrak produk pertanian berjaya dicapai melebihi RM 10 juta. Saya berharap dengan penganjuran VAE 2021 pada kali ini, nilai ini akan dapat ditingkatkan khususnya melalui kerjasama dan usaha bersepadu oleh semua pihak.

I was informed that, since the engagement programme by the DOA in 2018, the contract value of agricultural products has successfully exceeded RM10 million. I believe that with VAE 2021, this value will be increased, mainly through cooperation and concerted efforts by all parties.

18. Saya juga berharap agar lebih banyak program sebegini dapat dianjurkan bagi membantu negara dalam menghasilkan makanan yang cukup, berkualiti dan selamat dimakan, malahan boleh dieksport ke seluruh dunia agar Malaysia menjadi antara negara pengeluar pertanian yang utama disegani dan dihormati.

I hope more programmes such as this will be organized to help the country produce sufficient high-quality and safe food for consumption as well for the export to other parts of the world so that Malaysia may one day be one of the major and respected agriculture producers.

19. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang sudi berkolaborasi menjayakan program kali ini, atas usaha sama yang sangat baik demi memberi manfaat kepada semua petani dan pemain industri agromakanan di Malaysia. *Thank you very much for your continuous support and collaboration.*

With this opportunity, I would like to thank and congratulate all those who have been willing to collaborate in making this event a successful one, and your commendable efforts are for the benefit of Malaysian farmers and agrofood industry players. Thank you very much for your continuous support and collaboration.

20. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas kepada DOA atas penganjuran program ini. Kepada semua pemain industri dan para peserta yang hadir pada program kali ini saya ucapkan selamat berwebinar.

Before I end my remarks, please allow me to reiterate my warmest congratulations to DOA for organizing this event. I wish an excellent webinar ahead to all industry stakeholders and participants.

21. Untuk itu, saya dengan sukacitanya, merasmikan **PROGRAM VIRTUAL AGROTECHNOLOGY EXTENSION BAGI TAHUN 2021.**

I am pleased to announce the launch of the Virtual Agrotechnology Extension 2021.

Sekian, terima kasih.

Thank you.